Saadon bin Awang lwn Inspektor Nurul Aida bt Amir dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — GUAMAN SIVIL NO 23NO/C-9–05 TAHUN 2013
ABU BAKAR KATAR PK
23 NOVEMBER 2014

Prosedur Sivil — Tindakan — Kausa tindakan — Tuntutan bagi ganti rugi am dan teladan — Dakwaan bahawa defendan-defendan cuai hingga menyebabkan plaintif ditahan di lokap bagi siasatan di bawah s 379A Kanun Keseksaan — Sama ada writ dan penyata tuntutan mendedahkan apa-apa kausa tindakan

Plaintif telah menuntut daripada defendan pertama sehingga keenam bagi ganti rugi am, teladan, faedah dan kos akibat tindakan defendan pertama dan kedua yang dikatakan cuai hingga menyebabkan plaintif ditahan di lokap berpunca daripada laporan polis yang telah dibuat oleh isteri plaintif. Isteri plaintif (ketika itu) telah membuat laporan polis mengaitkan plaintif dengan kehilangan sebuah kereta. Akibatnya, plaintif telah ditahan reman untuk siasatan bagi kesalahan di bawah s 379A Kanun Keseksaan. Plaintif melalui pindaan writ dan penyata tuntutan telah mendakwa defendan pertama dan kedua telah cuai, gagal menggunakan kecekapan munasabah semasa menjalankan siasatan kes yang melibatkan plaintif dan aduan isteri plaintif berkaitan kehilangan kereta tersebut. Defendan-defendan, dalam hujahan mereka, bergantung kepada A 18 k 19 (1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 iaitu tuntutan plaintif sebagaimana yang dinyatakan dalam pindaan writ dan penyata tuntutan tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua. Plaintif pada mulanya memfailkan tindakan berasaskan kausa tindakan tahanan salah dan menukar kausa tindakan atas kecuaian dalam siasatan oleh defendan pertama dan kedua. Plaintif yang kemudiannya menyedari kecacatan pindaan penyata tuntutannya telah memfailkan notis permohonan bagi memasukkan pelaku tort yang sebenarnya sebagai defendan ketiga. Defendan-defendan telah membantah permohonan tersebut ('lampiran 27').

Diputuskan, membenarkan lampiran 27 dengan kos:

(1) Berdasarkan pindaan writ dan penyata tuntutan, plaintif gagal memberikan butiran kecuaian yang dikatakan telah dilakukan oleh defendan pertama dan defendan kedua dalam menjalankan siasatan sehingga plaintif ditahan reman dan menyebabkan plaintif mengalami kerugian/kerosakan atas dirinya (lihat perenggan 13).

(2) Mahkamah ini tidak dapat menerima alasan plaintif yang kononnya kegagalan mendapatkan kerjasama daripada defendan pertama hingga defendan keenam menyebabkan pihaknya tidak dapat menamakan pelaku tort yang sebenarnya. Plaintif dalam hujahannya menegaskan tindakan defendan pertama hingga keenam mengemukakan diari penyiasatan di saat akhir merupakan *mala fide*. Mahkamah berpendapat ianya bukan alasan untuk tidak memastikan pelaku tort yang sebenarnya (lihat perenggan 14).

(3) Kegagalan plaintif ini menjejaskan tuntutan plaintif di bawah s 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Plaintif perlulah mengenal pasti identiti pegawai yang bertanggungjawab dan menamakan pegawai itu dalam writ dan penyata tuntutannya sebelum Kerajaan Malaysia bertanggungan. Mahkamah menimbangkan keseluruhan fakta kes berpendapat tindakan plaintif terjumlah kepada penyalahgunaan proses mahkamah ini (lihat perenggan 15 & 22).

[English summary

The plaintiff had claimed from the first to sixth defendants for general and exemplary damages, interests and costs due to the first and second defendants' act which were alleged to have been negligent by causing the plaintiff to be remanded in the lock-up as a result of a police report lodged by the plaintiff's wife. The plaintiff's wife (at the material time) had lodged a police report associating the plaintiff with a missing car. Consequently, the plaintiff was remanded for investigation under an offence under s 379A of the Penal Code. The plaintiff, by way of an amended writ and statement of claim had claimed that the first and the second defendant were negligent, failed to exercise reasonable diligence in conducting investigation of the case relating the plaintiff and the plaintiff's wife's report regarding the missing car. The defendants, in their submissions, relied on O 18 r 19(1)(a) of the Rules of Court 2012 and argued that the plaintiff's claim as stated in the amended writ and statement of claim, did not disclose any cause of action against the first and second defendant. The plaintiff had initially filed an action based on the cause of action of illegal detention and had changed the cause of action based on the negligence in the investigation by the first and second defendants. The plaintiff then realised the flaw in the statement of claim and filed a notice of application to insert the tortfeasor as the third defendant. The defendant objected the said application ('encl 27').

Held, allowing the encl 27 with costs:

(1) Based on the amended writ and statement of claim, the plaintiff failed to provide details of the alleged negligence which was said to have been committed by the first and second defendants in conducting the investigation until the plaintiff was remanded and had caused the plaintiff to suffer damages/injury (see para 13).

(2) The court could not accept the plaintiff's contention that he had allegedly failed to gain cooperation from the first to sixth defendants, causing him to be unable to name the real tortfeasor. The plaintiff in his submission emphasised that the act of the first to sixth defendants of adducing the investigation diary at the eleventh hour was mala fide (see para 14).

(3) The plaintiff's failure jeopardised the plaintiff's claim under ss 5 and 6 of the Government Proceedings Act 1956. The plaintiff must identify the identity of the officer in charge and name the said officer in the writ and statement of claim before the Malaysian government becomes liable. The court considered the facts of the case and held that the plaintiff's action amounted to an abuse of the court's process (see paras 15 & 22).]]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kausa tindakan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 57–84.

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36, MA (diikut)
CC Ng & Brothers Sdn Bhd v Government of State of Pahang [1985] 1 MLJ 347, MP (dirujuk)
Government of The State of Sabah v Syarikat Raspand (suing as a firm) [2010] 5 MLJ 717; [2010] 7 CLJ 945, MR (dirujuk)
Haji Abdul Rahman v Government of Malaysia & Anor [1966] 2 MLJ 174 (dirujuk)
Jamir Hassan v Kang Min [1992] 2 MLJ 46, MT (dirujuk)
Joseph Paulus Lantip v Unilever [2012] 7 CLJ 693, MP (dirujuk)
Kavitha a/p Krishnan & Anor v Kerajaan Malaysia [2014] 10 MLJ 586; [2013] 3 CLJ 1155, MT (dirujuk)
Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee & Ors [2009] 1 MLJ 1, MP (dirujuk)
Lau Siang Kok, Lionel v Lau Chon Kun @ Lau Yu Chak, Datuk Seri Panglima [2013] 2 MLJ 889; [2013] 1 CLJ 619, MR (dirujuk)
Malayan Banking Bhd v Gan Kong Yam [1972] 1 MLJ 32 (dirujuk)
Shanghai Hall Ltd v Chong Mun Foo & Ors [1967] 1 MLJ 254 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Prosiding Kerajaan 1956 ss 5, 6
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 14, A 18 k 19, A 18 k 19(1), A 18 k 19(1)(a), (b), A 18 k 19(1)(d), A 33 k 2
Kanun Keseksaan s 379A

Asilah Awang Man (Omar Affandi & Teh) bagi plaintif.
Ruzaimah bt Mohd Ridzuan (Pejabat Penasihat Undang-Undang) bagi defendan.

Abu Bakar Katar PK:

[1] Plaintif merupakan seorang ahli perniagaan dan bekas penyampai radio (DJ) di Radio Malaysia Kedah dan Perlis telah memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan pertama sehingga defendan keenam bagi mendapatkan ganti rugi am, ganti rugi teladan, faedah dan kos akibat tindakan defendan pertama dan defendan kedua yang dikatakan secara cuai sehingga plaintif ditahan di lokap berpunca daripada laporan polis Alor Setar Rpt: 19276 tahun 2012 yang telah dibuat oleh isteri plaintif (pada ketika itu). Isteri plaintif telah membuat laporan polis yang mengaitkan plaintif dengan kehilangan kereta jenis Volkswagon Golf nombor pendaftaran: PJX 1616. Plaintif telah ditahan reman untuk siasatan bagi kesalahan di bawah s 379A Kanun Keseksaan.

[2] Plaintif pada mulanya memfailkan tindakan terhadap semua defendan atas kausa tindakan tahanan yang tidak sah. Selanjutnya melalui pindaan writ dan penyata tuntutan (lampiran (15)), plaintif tidak bergantung kepada kausa tindakan tahanan yang tidak sah dan meminda kepada kecuaian defendan pertama dan defendan kedua dalam menjalankan siasatan terhadap laporan kehilangan kereta isteri plaintif sehingga plaintif ditahan dalam lokap dan menyebabkan kerugian/kerosakan atas plaintif.

[3] Defendan-defendan yang diwakili oleh peguam kanan persekutuan ('PKP'), Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah telah mempertikaikan tuntutan plaintif dan memfailkan penyata pembelaan (lampiran (8)) dan pindaan penyata pembelaan (lampiran (16)). Kes ini telahpun ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan timbalan pendaftar dan akhirnya ditetapkan untuk perbicaraan pada 16 dan 17 Julai 2014. Pada 16 Julai 2014 sebelum perbicaraan dimulakan peguam plaintif yang terpelajar memaklumkan kepada mahkamah iaitu pihak defendan pertama hingga defendan keenam memfailkan permohonan untuk membatalkan pliding selaras dengan A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM').

[4] Pada 16 Julai 2014 defendan pertama hingga defendan keenam telah memfailkan notis permohonan (lampiran (27)) untuk membatalkan tindakan plaintif melalui pindaan writ dan penyata tuntutan bertarikh 13 November 2013 mengikut peruntukan A 18 k 19(1)(a), (b) dan/atau (d) KKM. Permohonan ini telah disokong oleh afidavit sokongan (lampiran (28)). Plaintif telah membantah permohonan ini dan memfailkan afidavit balasan

(lampiran (30)) dan afidavit balasan oleh Rina bt Ramli (isteri kedua plaintif) (lampiran (34)).

[5] Pihak-pihak telah memfailkan penghujahan bertulis dan pada 16 Oktober 2014 mahkamah ini telah membenarkan lampiran (27) dengan kos sebanyak RM2,000. Plaintif yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini pada 12 November 2014 telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia.

[6] Sebelum mahkamah ini menimbangkan alasan-alasan permohonan defendan pertama hingga defendan keenam, eloklah di sentuh tujuan A 18 k 9(1) KKM ('dahulunya Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980') digubal sebagaimana yang ditekankan oleh YAA Tun Arifin Zakaria (KHN) dalam kes *Joseph Paulus Lantip v Unilever* [2012] 7 CLJ 693 yang menyatakan:

> [44] Since O 18 r 19(1) of the RHC is coercive in nature and is exercised by summary process, the court exercises this powerwith the greatest of care and circumspection and only in the clearest case (see 'Pleadings: Principles and Practice' by Sir Jack Jacob and lain S Goldrein, Sweet & Maxwell, 1990, at p 214). This rule is only applicable where, on the face of it, the claim ordefence is 'obviously unsustainable' (see *Attorney General of the Duchy of Lancaster v London and North Western Railway Company* [1892] 3 Ch 274.)

[7] Mahkamah ini juga mengikuti panduan yang diputuskan dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 dalam nada yang sama menyatakan seperti berikut:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* 7, and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Rly Co* 8). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors* 9). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O 33 r 3 (which is in pari materia with our O 33 r 2 of the RHC) (see *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* 7). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

[8] Mahkamah ini telah meneliti notis permohonan di lampiran (27) nampaknya PKP yang terpelajar telah mendasarkan permohonannya atas alasan-alasan yang berikut:

(a) tuntutan plaintif sebagaimana dalam pindaan writ dan penyata tuntutan tidak mendedahkan kausa tindakan terhadap defendan pertama dan kedua;

(b) plaintif telah gagal menamakan secara khusus individu yang bertugas sebagai pegawai penyiasat yang melibatkan siasatan Alor Setar Rpt No: 19276 tahun 2012;

(c) tuntutan plaintif terhadap defendan pertama sehingga defendan keenam mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta gagal mematuhi peruntukan s 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('Akta itu'); dan

(d) tuntutan plaintif terhadap defendan pertama hingga defendan keenam suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

BAGI ISU (A) DAN (B)

[9] Penguam kanan persekutuan yang terpelajar dalam hujahannnya bergantung kepada A 18 k 19(1)(a) KKM iaitu tuntutan plaintif sebagaimana yang dinyatakan dalam pindaan writ dan penyata tuntutan tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua. Mahkamah ini akan menyentuh isu ini bergantung kepada pliding semata-mata dan bukannya afidavit sokongan. PKP yang terpelajar telah menghujahkan plaintif dalam pindaan writ dan penyata tuntutan gagal memplidkan kecuaian defendan pertama dan defendan kedua. Plaintif melalui pindaan writ dan penyata tuntutan telah mendakwa defendan pertama dan defendan kedua telah cuai, gagal menggunakan kecekapan munasabah semasa menjalankan siasatan kes yang melibatkan plaintif dan aduan isteri pliantif (pada masa itu) berkaitan kehilangan kenderaan tersebut.

[10] Plaintif juga gagal menamakan secara khusus pegawai sebenaryang bertugas sebagai pegawai penyiasat yang melibatkan plaintif dan aduan isteri plaintif (pada masa itu). Defendan pertama dan defendan kedua yang dinamakan dalam tindakan ini bukannya pegawai penyiasat yang terlibat dalam siasatan melibatkan plaintif dan ianya tidak terlibat dalam dakwaan kecuaian siasatan.

[11] Plaintif walaupun telah meminda writ dan penyata tuntutan masih gagal menamakan pegawai penyiasat yang betul. Kegagalan menamakan pegawai penyiasat yang betul sebagai agen kerajaan ianya tidak mematuhi peruntukan s 5 dan 6 Akta itu.

[12] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan walaupun pegawai sebenar tidak dinamakan ianya bukan alasan untuk mahkamah ini membatalkan tuntutan plaintif. Plaintif nampaknya cuba menyalahkan pihak defendan pertama hingga defendan keenam kerana dikatakan tidak memberikan kerjasama dengan memberitahu nama pegawai penyiasat yang sebenar ialah Insp P Darlveen a/l Teja Singh selaku pelaku tort. Selanjutnya dihujahkan plaintif mempunyai kausa tindakan yang berasas dan perlu dibicarakan dengan memanggil saksi-saksi untuk membuktikan kesnya. Mahkamah ini dirujukkan kes-kes *CC Ng & Brothers Sdn Bhd v Government of State of Pahang* [1985] 1 MLJ 347; *Shanghai Hall Ltd v Chong Mun Foo & Ors* [1967] 1 MLJ 254; *Malayan Banking Bhd v Gan Kong Yam* [1972] 1 MLJ 32 sebagai nas sandarannya.

[13] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu berdasarkan pindaan writ dan penyata tuntutan, plaintif gagal memberikan butiran kecuaian yang dikatakan telah dilakukan oleh defendan pertama dan defendan kedua dalam menjalankan siasatan sehingga plaintif ditahan remand dan menyebabkan plaintif mengalami kerugian/kerosakan atas dirinya.

[14] Mahkamah ini tidak dapat menerima alasan plaintif yang kononnya kegagalan mendapatkan kerjasama daripada defendan pertama hingga defendan keenam menyebabkan pihaknya tidak dapat menamakan pelaku tort yang sebenarnya. Selanjutnya peguam plaintif dalam hujahannya menegaskan tindakan defendan pertama hingga defendan keenam mengemukakan diari penyiasatan disaat akhir merupakan *mala fide*. Mahkamah ini berpendapat ianya bukan alasan untuk tidak memastikan pelaku tort yang sebenarnya.

[15] Mahkamah ini berpendapat kegagalan plaintif ini menjejaskan tuntutan plaintif di bawah s 5 dan s 6 Akta itu. Mahkamah ini bersetuju dengan nas-nas rujukan PKP yang terpelajar iaitu *Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee & Ors* [2009] 1 MLJ 1; *Haji Abdul Rahman v Government of Malaysia & Anor* [1966] 2 MLJ 174. Plaintif perlulah mengenal pasti identiti pegawai yang bertanggungjawab dan menamakan pegawai itu dalam writ dan penyata tuntutannya sebelum Kerajaan Malaysia bertanggungan.

[16] Mahkamah ini juga bersetuju defendan pertama hingga defendan keenam berhak menjadikan isu ini pada mana-mana peringkat. Mahkamah ini dirujukkan kes *Government of The State of Sabah v Syarikat Raspand (suing as a firm)* [2010] 5 MLJ 717; [2010] 7 CLJ 945 yang memutuskan:

> Defendan merujuk kepada s 5 dan s 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('APK') dan *Kerajaan Malaysia & 3 Ors v Lay Kee Tee & Ors* dank 18(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994 ('KMT") untuk membangkitkan isu undang-undang substantif berhubungan bidang kuasa yang tidak dibangkitkan di dalam Mahkamah Tinggi ataupun dimasukkan ke dalam memorandum rayuan. Defendan mendakwa bahawa tindakan plaintif adalah berdasarkan tort, tetapi plaintif hanya menamakan defendan iaitu Kerajaan Negeri Sabah tanpa menamakan pelaku tort yang didakwa sebagai defendan dan oleh itu, tindakan ini tidak boleh dikekalkan dalam undang-undang. Defendan-defendan juga mendakwa bahawa terdapat kausa tindakan yang munasabah atau kemungkinan untuk merampas 3,056 balak-balak tersebut dan oleh itu defendan dilindungi di bawah s 37A dan s 40 Enakmen Hutan.
>
> Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos)
>
> Oleh Low Hop Bing HMR menyampaikan penghakiman majoriti mahkamah:
>
> (1) Di bawah cabang pertama k 18(2), perayu tidak mempunyai kebebasan untuk memberi alasan lain kecuali yang dimasukkan ke dalam memorandum rayuan. Perayu boleh memperolehi kebenaran Mahkamah Rayuan untuk berbuat sedemikian. Cabang kedua k 18(2) membuat deklarasi bahawa mahkamah dalam memutuskan rayuan tidak terhad kepada alasan-alasan yang telah dibangkitkan oleh perayu. Mahkamah tidak terikat untuk menghadkan hujahan atas alasan-alasan yang terkandung di dalam memorandum rayuan. Mengambilkira keadilan kes, mahkamah tidak patut mengecualikan hujahan yang ingin dibangkitkan oleh defendan.
>
> (2) Dengan ketidakwujudan liabiliti pegawai (yang hanya boleh timbul dan mengikat pegawai jika dan bila pegawai atau pegawai-pegawai dinamakan sebagai defendan-defendan) tiada prosiding akan diambil terhadap kerajaan. Pelaku tort yang didakwa iaitu kakitangan kerajaan atau pegawai-pegawai tidak dinyatakan sebagai defendan-defendan. Peninggalan tersebut menyebabkan kegagalan untuk memenuhi keperluan-keperluan s. 5 dan s. 6 APK. Oleh itu, tiada prosiding akan diambil terhadap defendan.

[17] Mahkamah ini turut dibawa perhatiannya kepada kes *Kavitha a/p Krishnan & Anor v Kerajaan Malaysia* [2014] 10 MLJ 586; [2013] 3 CLJ 1155 yang memutuskan:

> (1) Applying ss 5 and 6(1) of the GPA and the case of *Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee & Ors*, the officer of the government who was responsible for the alleged tortious act must be made a party and his liability must be established before the government can be made vicariously liable. In the instant case, the plaintiffs' writ summons and statement of claim were fatally flawed and rendered defective in view

of the failure to name the public officer who was responsible for the alleged medical negligence as a defendant.

[18] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas tuntutan plaintif yang tidak menamakan pegawai penyiasat yang sebenar termasuk dalam cabang A 18 k 19(1)(a) KKM iaitu tidak mendedahkan kausa tindakan.

[19] Mahkamah ini ingin berkongsi pandangan dengan YA Yeoh Wee Siam H dalam kes *Kavitha Krishnan & Anor* yang menyatakan:

> Therefore, the defendant's application to strike out the plaintiffs' claim was allowed under O 18 r 19(1)(a) as it disclosed no reasonable cause of action against the defendant and under O 18 r 19(1)(d) of the ROC on the ground that it was an abuse of the process of the court, (paras 8, 9 & 10)

BAGI ISU (C) DAN (D)

[20] Penguam kanan persekutuan yang terpelajar dalam hujahannya juga bergantung kepada A 18 k 19(1)(b) dan (d) KKM. Mahkamah ini akan menyentuh cabang (b) secara sepintas lalu. Mahkamah ini merujuk kes *Lau Siang Kok, Lionel v Lau Chon Kun @ Lau Yu Chak, Datuk Seri Panglima* [2013] 2 MLJ 889; [2013] 1 CLJ 619 di mana YA Low Hop Bing HMR ada menyentuh apa yang dimaksudkan bagi cabang (b) sebagaimana berikut:

> Ground (b): Scandalous, Frivolous Or Vexatious
>
> [19] In *Technointan Holding Sdn Bhd v Tetuan Tan Kim Siong & TBH Hong Jet* [2007] 1 MLJ 163, [2006] 7 CLJ 541; HC, paras 26 to 31; and *Boey Oi Leng v Trans Resources Corporation Sdn Bhd* [2002] 1 CLJ 405 HC p 410 paras, d-g, while on the High Court Bench, I have had the privilege of considering the meaning of these words. Having the advantage of examining aplethora authorities, my conclusion is as follows: 'scandalous' means 'wholly unnecessary and irrelevant'; and- 'frivolous or vexatious' means 'obviously unsustainable';

[21] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu tuntutan plaintif terjumlah kepada cabang (b) dan (d). Merujuk kepada perenggan 13 pindaan penyata tuntutan ianya berkisar kepada masalah peribadi atau rumah tangga yang sedang bergolak dengan isteri plaintif dan ianya ada kaitan dengan Pejabat Agama dan Mahkamah Syariah. Mahkamah ini juga bersetuju tindakan plaintif yang memfailkan tiga afidavit balasan membuktikan pindaan penyata tuntutan mengaibkan, remeh dan menyusahkan.

[22] Mahkamah ini juga menimbangkan tindak tanduk plaintif pada mulanya memfailkan tindakan berasaskan kausa tindakan tahanan salah. Kemudiannya menukar kausa tindakan atas kecuaian dalam siasatan oleh

defendan pertama dan defendan kedua. Plaintif juga yang menyedari kecacatan pindaan penyata tuntutannya telah memfailkan notis permohonan di lampiran (31) bagi memasukkan Insp P Darlveen Singh a/l Teja Singh sebagai pelaku tort yang sebenarnya sebagai defendan ketiga. PKP yang terpelajar telah membantah permohonan tersebut dan memohon lampiran (27) didengar dan diputuskan. Mahkamah ini menimbangkan keseluruhan fakta kes berpendapat tindakan plaintif terjumlah kepada penyalahgunaan proses mahkamah ini.

[23] Mahkamah ini secara sepintas lalu akan menyentuh bantahan peguam plaintif yang terpelajar yang menyatakan permohonan defendan pertama hingga defendan keenam telah difailkan agak lewat iaitu selepas pliding ditutup dan tarikh perbicaraan ditetapkan. Beliau bergantung kepada kes *Jamir Hassan v Kang Min* [1992] 2 MLJ 46 yang memutuskan:

> (1) An application to strike out a pleading should be made promptly and as a rule before the close of the pleadings. The court, however, may allow an application to be made even after the pleadings are closed. But such an application must be refused after the action has been set down for trial.

[24] Dengan hormat, mahkamah ini berpendapat kes *Jamir Hassan* merupakan keputusan Mahkamah Tinggi dan ianya tidak mengikat mahkamah ini untuk mengikutinya.

[25] Mahkamah ini merujuk A 18 k 19(1) KKM yang menyatakan:

> 19. *Striking out pleadings and endorsements (O 18 r 19)*
>
> (1) *The Court may at any stage of the proceedings order to be struck out or amended any pleading or the endorsement, of any writ in the action, or anything in any pleading or in the endorsement, on the ground that-*

[26] Mahkamah ini berpendapat permohonan ini boleh difailkan '*at any stage of the proceedings*' dan mahkamah ini tidak sependapat dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar dalam isu ini. Keadaan mungkin berbeza dengan permohonan untuk penghakiman terus di bawah A 14 KKM, ianya perlu difailkan selepas penyata tuntutan diserahkan kepada defendan dan defendan memasukkan kehadiran.

[27] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini membenarkan lampiran (27) dengan kos sebanyak RM2,000.

Lampiran 27 dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor